

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

2. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membina bangunan baru sebagai Pejabat Panggilan Nama (*Roll Call*) untuk menggantikan stor kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) di Jalan Sungai memandangkan keadaan stor terkini yang terdiri daripada kontena adalah kurang sesuai.
 - (a) Jika ya, sila nyatakan bila pembinaan bangunan ini akan dijalankan.
 - (b) Jika tidak, mengapa?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Sebarang perancangan untuk pembangunan tapak tersebut sebagai bangunan Pejabat Pusat Panggilan Nama dan Stor yang kekal dan sempurna adalah tertakluk kepada ketetapan dasar dan anggaran kos serta perancangan peruntukan kewangan yang sewajarnya. Pejabat Kontena dan Stor bersifat sementara telah dibekalkan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk kegunaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di atas Lot 1577, Sek. 9W Bandar George Town, Jalan Sungai, Pulau Pinang untuk sementara waktu sebelum bangunan kekal dirancang dan dibina oleh MBPP pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, setiap kontena yang diguna sebagai pejabat panggilan nama Jalan Sungai ini mempunyai kemudahan pengudaraan penghawa dingin yang baik.

Selain itu, terdapat juga kemudahan bekalan air dan tandas untuk kegunaan pekerja MBPP.